



TSGP tidak dipajak kepada China: Abdul Rahman

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

UB 1.11.2017 A1

KOTA KINABALU: Blok minyak dan gas di bawah Projek Saluran Paip Gas Trans Sabah (TSGP) tidak pernah dipajakkkan kepada negara China.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan (*gambar*) berkata, kenyataan mengenai isu terbabit adalah

satu penipuan yang jelas dan terancang.

Menurutnya, dakwaan itu didalangi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapat manfaat daripada kemarahan dan ketidakpercayaan rakyat Sabah terhadap kerajaan negeri dan Persekutuan.

Beliau turut menafikan projek TSGP yang dibiayai melalui pinjaman Eksport dan Import (EXIM) Bank of China mencecah jumlah pinjaman sebanyak RM100 bilion.

“Pinjaman yang sebenarnya berjumlah RM4.53 bilion

yang merangkumi kos projek dan pinjaman itu akan dijamin oleh kerajaan Persekutuan.

“Dengan jaminan berkenaan, pemilik merangkap pemaju kepada projek ini Suria Strategic Energy Resources Sdn Bhd (SSER) tidak perlu memajakkan apa-apa aset minyak dan gas Malaysia kepada China,” jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Transformasi Sosial, Komuniti dan Pembangunan Mampan 2017 anjuran Universiti Malaysia

Sabah (UMS) di sini, pada Rabu.

Katanya, tanpa penglibatan dan kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan, projek berkenaan tidak boleh diteruskan.

“Ini membuktikan tuduhan yang mengatakan tiada penglibatan dan perbincangan antara kerajaan Persekutuan dan negeri berhubung projek ini tidak benar sama sekali.

“Bahan binaan, peralatan dan buruh untuk membina saluran paip ini akan diperoleh dari dalam dan luar negara sama seperti projek infrastruktur yang lain.

“Dengan adanya projek infrastruktur tenaga ini, Sabah akan mampu naik di dalam nilai bekalan dan menambah nilai bagi komoditi dan bahan mentah tempatan,” katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial dakwaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memajak blok minyak dan gas di pesisir pantai Sabah kepada China untuk mendapatkan pinjaman bernilai RM100 billion.

Abdul Rahman berkata, rakyat Malaysia mesti sentiasa berhati-hati dengan berita yang tidak disahkan kesahihannya.